

BAB III

KAEDAH KAJIAN

Soal selidik kajian yang disediakan menggunakan skala Likert dengan pilihan lima jawapan. Jawapan responden juga hanya terhad kepada lima pilihan sahaja. Prosedur pengumpulan data kajian ini dilakukan secara pos dan telefon. Beberapa langkah telah diambil bagi memastikan pulangan soal selidik yang memuaskan seperti menyediakan sampul surat berselem yang beralamatkan salah seorang pegawai yang bertugas di PPD Kota Bharu. Seterusnya soal selidik kali kedua akan dihantar sekiranya tidak menerima bilangan balasan yang memuaskan daripada responden. Peringatan melalui talifon juga telah dilakukan serta pergi sendiri menemui responden bagi mendapatkan kerjasama mereka menjawab soal selidik yang telah diedarkan.

Soal selidik yang digunakan adalah terjemahan daripada soal selidik asal yang menggunakan Bahasa Inggeris. Dapatan kajian yang diperolehi adalah berpandukan kepada terjemahan Bahasa Melayu yang mungkin memberi pengertian tersirat yang berbeza dalam konteks tempatan.

ALAT PENYELIDIKAN

Instrumen utama yang digunakan untuk mengkaji keberkesanan QIT yang terdapat di PPD Kota Bharu ialah soal selidik yang diubahsuai daripada *Professional Development Program, Rockefeller College of Public Affairs and Policy, University at Albany, State University of New York* (Robbins dan Coulter, 1996). Sedikit pengubahsuaian juga dibuat ke atas soalan yang digunakan

semasa Kursus Bistari anjuran Jabatan Perubatan dan Kesihatan Kelantan (1990). Soal selidik yang digunakan mengandungi empat bahagian (Rujuk Lampiran 5)

Bahagian A, mengandungi tiga puluh enam soalan atau item untuk mendapatkan maklumat keberkesanan QIT. Kesemua soalan ini dikategorikan bagi mengukur maklumat-maklumat berikut:

a) Penglibatan ahli dalam QIT - Soalan 3,8,13,16, 19 , 22

Contohnya:-

Soalan 3 : Ramai ahli yang pasif dan tidak memberi perhatian.

Soalan 13 : Semua terlibat dan diberi peluang bersuara semasa perincangan.

b) Matlamat kumpulan - Soalan 2 ,5,23,29,31,32

Contohnya:-

Soalan 2 : Matlamat QIT tidak jelas.

Soalan 32 : Semua ahli QIT menjalankan tugas atas nama kumpulan.

c) Bentuk dan kualiti perhubungan - Soalan 4, 11,15, 21, 27, 35,36

Contohnya:-

Soalan 11 : Kata sepakat sentiasa diperolehi.

Soalan 21 : Saya kerap ambil tahu apa yang berlaku ke atas ahli kumpulan.

d) Membuat keputusan - Soalan 6,24,25

Contohnya:-

Soalan 6 : Keputusan sukar dicapai dan selalunya tidak mendapat sokongan semua ahli.

Soalan 25 : Kepentingan kumpulan melebihi daripada kepentingan diri saya.

e) Kepimpinan - Soalan 7,9,14, 18, 26

Contohnya:-

Soalan 9 : Ketua kumpulan senang diajak berbincang.

Soalan 14 : Penurunan kuasa sering dilakukan dalam melaksanakan keputusan mesyuarat.

f) Kreativiti ahli pasukan - Soalan 12,17, 28, 30

Contohnya:-

Soalan 12 : Menghormati satu sama lain dan bebas mengkritik.

Soalan 17: Saya mudah menerima idea baru.

g) Kebebasan meluahkan pendapat - Soalan 12, 20, 24

Contohnya:-

Soalan 20 : Saya selalu memberi pandangan semasa perbincangan.

Soalan 24 : Kerap menggalakkan rakan mengambil bahagian dalam perbincangan.

Setiap soalan yang dikemukakan, nilai persetujuan diukur dengan menggunakan skor berikut :-

<u>Nilai</u>	<u>Kadar persetujuan</u>
1	= Sangat tidak setuju
2	= Tidak setuju
3	= Tidak pasti
4	= Bersetuju
5	= Sangat setuju

Bahagian B pula mengandungi sembilan soalan bagi menguji persepsi kefahaman ahli QIT akan fungsi setiap program yang dijalankan. Item-item ini menghuraikan tahap kefahaman ahli-ahli dalam setiap QIT berkaitan prosedur dalam pelaksanaan QIT.

Item menghadiri kursus dan pendedahan kepada konsep QIT , jawapan adalah dalam bentuk pilihan Ya/Tidak.

Contohnya:

Soalan 2 : Perkara-perkara yang terdapat dalam QIT?

Soalan 6: Prinsip-prinsip QIT?

Item yang dikaitkan dengan kefahaman konsep QIT diukur dengan menggunakan skalar berikut:-

<u>Nilai</u>	<u>Kadar kefahaman</u>
1	= Sangat tidak faham
2	= Tidak faham
3	= Faham sedikit
4	= Faham
5	= Sangat faham

Dalam bahagian C terdapat item-item yang menguji kadar keberkesanan

program-program yang telah dijalankan oleh QIT. Keberkesanan kumpulan bergantung kepada banyak faktor. Walau bagaimanapun keberkesanan paling baik dilihat dari segi proses daripada dilihat dari segi sudut hasil.


Item-item yang menguji proses ialah pernyataan 1, 4 dan 5. Sementara item-item yang menguji pencapaian hasil ialah pernyataan 2, 6 dan 7.

Contohnya :-

Soalan 4: Kadar keberkesanan masa yang saya gunakan menghadiri mesyuarat QIT yang saya anggotai adalah pada anggaran

Soalan 6 : Kadar keberkesanan program menangani masalah disiplin yang di jalankan oleh QIT yang saya anggotai adalah pada anggaran.....

Kadar keberkesanan pelaksanaan QIT diukur dengan menggunakan skala peratus. Iaitu



Bahagian D, mengandungi soal selidik yang bertujuan untuk mendapatkan maklumat latar belakang subjek kajian. Antara item-item yang terkandung di dalam borang ini termasuk : Jenis sekolah, jantina, bangsa, umur kelayakan, tempoh berkhidmat dan status jawatan di sekolah.

Maklumat tempoh berkhidmat secara tidak lansung dapat menggambarkan komitmen pekerja terhadap organisasinya. Maklumat jenis : boat membezakan antara sekolah rendah atau sekolah menengah.

Jawapan diberikan dalam bentuk menandakan (/) pada pernyataan yang berkenaan.

TATACARA PENSAMPELAN

Skop kajian ini merupakan tinjauan khas terhadap satu PPD sahaja, tetapi QIT PPDKB adalah yang mempunyai bilangan QIT dan sekolah yang terbanyak dalam setiap QIT di Negeri Kelantan Darul Naim. Rangka sampel adalah berdasarkan pada senarai 130 buah sekolah menengah dan sekolah rendah yang diperolehi daripada PPD Kota Bharu. Senarai ini telah mengklasifikasikan sekolah-sekolah tersebut seperti yang terdapat dalam Jadual 3.1.

Terdapat 12 QIT kesemuanya yang terbahagi kepada 4 QIT bagi sekolah menengah dan 8 QIT bagi sekolah rendah. Setiap QIT mempunyai antara 9 - 14 ahli pasukan.

QIT Sekolah Menengah adalah seperti berikut:

1. QIT Penampang : 9 buah sekolah
2. QIT Keteroh : 8 buah sekolah
3. QIT Kota : 8 buah sekolah
4. QIT Kubang Kerian : 10 buah sekolah

Terdapat sebuah sekolah berasrama penuh: Sekolah Tengku Muhd. Faris Petra dalam QIT Kubang Kerian. Dalam PPD Kota Bharu juga terdapat 3 buah sekolah terpilih iaitu Sekolah Dato' Ahmad Mahir dalam QIT Kubang Kerian, Maktab Sultan Ismail dalam QIT Kota dan Sekolah Menengah Ismail Petra dalam QIT Penampang. Selain daripada dua jenis sekolah di atas, terdapat 2 sekolah Jenis Kebangsaan China iaitu Sekolah Menengah (C) Chung Hwa dalam QIT Penampang dan Sekolah Menengah (C) Chung Cheng yang juga dalam QIT Penampang. QIT Sekolah Rendah adalah seperti berikut:

JADUAL 3.1

SENARAI SEKOLAH DALAM SETIAP QIT

QIT SEKOLAH MENENGAH

1. QIT KUBANG KERIAN

Pendamping: Tuan Hj. Husin Salleh

1. Sek. Tengku Muhd. Faris Petra
2. S.M. Kemumin
3. S.M. Panji
4. S.M. Kubang Kerian 1
5. S.M. Kubang Kerian 2
6. S.M. Raja Sakti
7. S.M. Dato' Ahmad Maher
8. S.M. Pengkalan Chepa
9. S.M. Tanjung Mas

2. QIT KETEREH

Pendamping : En. Haris Ab Ghani

1. S.M. Ketereh
2. S.M. Long Ghafar
3. S.M. Kok Lanas
4. S.M. Dewan Beta
5. S.M. Pangkal Kalong
6. S.M. Melor
7. S.M. Kadok
8. S.M.K. Melor

3. QIT PENAMBANGPendamping : Tn. Hj. Saipuddin
Abdullah

1. S.M. Chung Hwa
2. S.M. Puteri
3. S.M. Kota Bharu
4. S.M. Kedai Buloh
5. S.M. Zainab 2
6. S.M. Chung Cheng
7. S.M. Ismail Petra
8. S.M. Penambang
9. S.M. Putera

4. QIT KOTA

Pendamping : En. Haris Ab Ghani

1. S.M.K.(A) Naim Lilbanat
2. Maktab Sultan Ismail
3. S.M. Kota
4. S.M. Pintu Geng
5. S.M. Pangkal Kalong
6. S.M. Melor
7. S.M. Sultan Ismail
8. S.M. Dewan Beta

JADUAL 3.1 (sambungan)

QIT SEKOLAH RENDAH

<p>1. QIT PENGKALAN CHEPA</p> <p>Pendamping: Tn. Hj. Abdullah Yusoff</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. S.K. Demit 2. S.K. Dato' Hashim 3. S.K. Dato' Hashim 2 4. S.K. Sabak 5. S.K. Pengkalan Chepa 6. S.K. Seri Chempaka 7. S.K. Panji 8. S.K. Parang Putting 9. S.K. Kemumin 10. S.K. Kem 11. S.K. Pulau Gajah 12. S.K. Tapang 13. S.K. Tanjung Mas

<p>2. QIT MELOR</p> <p>Pendamping : Tn. Hj. Arshad Abdullah</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. S.R.K. Ketereh 2. S.K. Ketereh 3. S.K. Melor 4. S.R.K. Mekor 5. S.K. Padang Mokan 6. S.K. Bechah Keranji 7. S.K. Pauh Lima 8. S.K. Chengal 9. S.K. Tegayong 10. S.K. Raja Abdullah 11. S.K. Buloh Poh

<p>15. QIT PENAMBANG</p> <p>Pendamping : Tn. Hj. Saipuddin Abdullah</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. S.M. Chung Hwa 2. S.M. Puteri 3. S.M. Kota Bharu 4. S.M. Kedai Buloh 5. S.M. Zainab 2 6. S.M. Chung Cheng 7. S.M. Ismail Petra 8. S.M. Penambang 9. S.M. Putera

<p>4. QIT KOTA</p> <p>Pendamping : En. Haris Ab. Ghani</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. S.M.K.(A) Naim Lilbanat 2. Maktab Sultan Ismail 3. S.M. Kota 4. S.M. Pintu Geng 5. S.M. Pangkal Kalong 6. S.M. Melor 7. S.M. Sultan Ismail 8. S.M. Dewan Beta

JADUAL 3.1 (sambungan)

QIT SEKOLAH RENDAH

<p>5. QIT KEDAI BULOH</p> <p>Pendamping: En. Jaafar Yusoff</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. S.K. Che Latiff 2. S.K. Che Deris 3. S.R.K. Redang 4. S.K. Kedai Buloh 1 5. S.K. Penambang 6. S.K. Kedai Buloh 2 7. S.K. Ab. Hadi 8. S.K. Semut Api 9. S.K. Pulau Kundor 10. S.R.K. Chung Hwa 11. S.R.K. Chung Cheng

<p>6. QIT PERINGAT</p> <p>Pendamping : Tn. Hj. Othman Hassan</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. S.K. Peringat 2. S.K. Zainab 1 3. S.K. Zainab 2 4. S.K. Lundang 5. S.K. Kubang Kerian 2 6. S.K. Pasir Hor 7. S.K. Long Gafar 8. S.K. Padang Kala 9. S.K. Perol 10. S.K. Mulong 11. S.K. Kg. Keling 12. S.K. Seribong 13. S.K. Mulong 3

<p>7. QIT PUSAT BANDAR</p> <p>Pendamping : Tn. Hj. Ab. Hadi Mat</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. S.K. Padang Garong 1 2. S.K. Sultan Ismail 2 3. S.K. Kg. Sireh 4. S.K. Padang Garong 2 5. S.K. Langgar 6. S.R.K. Ismail Petra 1 7. S.R.K. Ismail Petra 2 8. S.R.K. Tengku Indra Petra 9. S.K. Merbau 10. S.K. Paya Bemban 11. S.R.K. Islah 12. S.R.K. Peir Chih 13. S.R.K. Sulatan Ismail 4 14. S.R. Pendidikan Khas

<p>8. QIT SALOR</p> <p>Pendamping : Ayub Salleh</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. S.R.K. Sultan Ismail 1 2. S.K. Pendek 3. S.R.K. Sultan Ismail 3 4. S.R.K. Kota 5. S.K. Kota 6. S.K. Paloh Pintu Geng 7. S.K. Salor 8. S.K. Bunut Payong 9. S.K. Tiong 10. S.K. Pengkalan Kubor Salor 11. S.K. Seberang Pasir Mas
--

1.	QIT Pusat Bandar	:	14 buah sekolah
2.	QIT Kedai Buloh	:	11 buah sekolah
3.	QIT Kedai Lalat	:	11 buah sekolah
4.	QIT Pengkalan Chepa	:	13 buah sekolah
5.	QIT Melor	:	11 buah sekolah
6.	QIT Pangkal Kalong	:	11 buah sekolah
7.	QIT Salor	:	11 buah sekolah
8.	QIT Peringat	:	13 buah sekolah

Bagi QIT sekolah rendah terdapat 2 buah sekolah Jenis Kebangsaan China iaitu Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (C) Chung Hwa dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (C) Chung Cheng yang mana kedua-duanya dalam QIT Kedai Buloh serta Sekolah Rendah Kebangsaan (C) Peir Chin dalam QIT Pusat Bandar.


Jaringan antara PPD Kota Bharu berdasarkan Rajah 3.1

TATACARA PENGUMPULAN DATA

Kebenaran pengumpulan data telah diperolehi terlebih dahulu daripada pihak Kementerian Pendidikan dan Jabatan Pendidikan Negeri sebelum proses penghantaran soal selidik dihantar kepada responden. Borang soal selidik diedarkan dengan dua kaedah, kaedah pertama dengan hantaran tangan semasa Mesyuarat Hal-hal Profesional Guru Besar Daerah Kota Bharu 1 yang menghasilkan pulangan sebanyak tiga puluh dua (23.1%) responden. Untuk sampel yang selebihnya borang soal selidik dihantar melalui pos yang disertakan sampul surat berselem untuk memastikan pulangan jawapan yang sebanyak mungkin. Dua minggu kemudian sebanyak 57 (43.8%) jawapan diterima. Jumlah keseluruhan yang diperolehi ialah 89 responden atau 68.5%. Jumlah ini dianggap mencukupi untuk dijadikan analisis kajian.

RAJAH 3.1 : JARINGAN PPD KOTA BHARU DENGAN QIT

(Sumber: Pejabat Pendidikan Daerah Kota Bharu, 1996)



TEKNIK PENGANALISAAN

Data yang dikumpulkan telah dianalisis dengan menggunakan pengaturcaraan Statistical Package for Social Sciences (SPSS for MS Windows Release 6.0). Tahap signifikan ditetapkan pada nilai <0.05 . Statistik yang digunakan adalah berkaitan dengan tujuan menyempurnakan objektif dan menjawab persoalan kajian. Analisis yang digunakan ke atas data adalah kekerapan (*frequency*), min, peratusan, min, min purata, korelasi Pearson dan *cross tabulation*.

Perbezaan nilai min bagi tahap keberkesanan kerja pasukan, penglibatan individu dalam pasukan, sikap individu, kesepakatan, kreativiti ahli pasukan, kebebasan memberi pendapat dan corak kepimpinan merujuk kepada QIT sekolah menengah dan QIT sekolah rendah juga akan digunakan.

Nilai peratus dan skor min juga akan digunakan ke atas data yang diperolehi bagi menguji kecenderungan jawapan ke atas analisis taburan kekerapan. Taburan kekerapan adalah untuk mengetahui bilangan kekerapan yang berlaku ke atas sesuatu pembolehubah (*variable*) yang digunakan. *Cross tabulation* sehala pula digunakan untuk membandingkan perbezaan tahap keberkesanan pasukan antara QIT dalam matlamat, sikap individu, kualiti perhubungan, kebebasan memberi pendapat, kreativiti dan corak kepimpinan.